A

Sanjif Nair a/l Balakrishnan lwn Lembaga Pencegahan Jenayah dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO WA-25–52–03 TAHUN 2016
HANIPAH FARIKULLAH H
31 MAC 2017

C *Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Permohonan — Pemohon memfailkan semakan kehakiman di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 terhadap perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh responden-responden — Sama ada terdapat ketidakpatuhan kepada s 12(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 memandangkan nama pemohon telah didaftari di dalam Daftar sebelum*
D *Lembaga Pencegahan Jenayah bersidang — Akta Pencegahan Jenayah 1959 s 12 — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53*

Pemohon telah ditangkap di bawah s 3 Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('Akta')
E dan perintah reman telah dikeluarkan terhadap pemohon. Seterusnya pegawai inkuiri telah membuat inkuiri terhadap pemohon dan berpuas hati bahawa pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan seperti yang termaktub dalam Perenggan 2 Bahagian I, Jadual Pertama Akta. Pegawai inkuiri kemudiannya telah menyediakan satu dapatan dan pemohon telah
F berpuas hati dengan dapatan tersebut dan tidak bercadang untuk membuat kajian semula. Berdasarkan dapatan tersebut, pendaftar penjenayah telah mendaftarkan nama pemohon di dalam Daftar pada 18 Disember 2015. Pada hari yang sama, Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ') telah bersidang dan setelah mempertimbangkan dapatan dan laporan pegawai inkuiri di bawah
G s 10 Akta serta berpuas hati bahawa pemohon adalah seorang yang telah didaftarkan di bawah s 12(1) Akta, LPJ telah mengeluarkan satu perintah pengawasan polis di bawah s 15 Akta terhadap pemohon dan memerintahkan pemohon ditempatkan di bawah pengawasan polis bagi tempoh empat tahun ('perintah tersebut'). Tidak berpuas hati dengan perintah tersebut, pemohon
H telah memfailkan tindakan semakan kehakiman di bawah A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('lampiran 6'). Isu yang berbangkit adalah sama ada terdapat ketidakpatuhan kepada s 12(1) Akta memandangkan nama pemohon telah didaftari di dalam daftar sebelum LPJ bersidang dan mengesahkan dapatan tersebut.

I **Diputuskan**, membenarkan lampiran 6 dengan kos sebanyak RM3,000 kepada pemohon tertakluk kepada kos alokatur:

(1) Berdasarkan s 12(1) Akta, terdapat dua perkara yang perlu dipenuhi sebelum nama pemohon boleh didaftarkan oleh pendaftar penjenayah di

dalam daftar jenayah iaitu: (a) satu laporan lengkap dengan alasan-alasan yang munasabah perlu disediakan oleh pegawai inkuiri/pegawai siasatan; dan (b) pemohon tidak meminta untuk satu kajian semula dilakukan atau LPJ telah pun mengesahkan dapatan yang telah disediakan oleh pegawai inkuiri di bawah s 10(2) Akta atau keputusan di bawah Perenggan 10(3)(b) Akta. Oleh itu, LPJ sepatutnya bersidang sebelum pendaftaran nama pemohon dilakukan di mana dapatan pegawai inkuiri perlu disahkan terlebih dahulu. Mahkamah mendapati terdapat ketidakpatuhan yang ketara terhadap s 12 Akta oleh responden-responden yang membolehkan campur tangan mahkamah (lihat perenggan 38–40 & 45).

[English summary

The applicant was arrested under s 3 of the Criminal Prevention Act 1959 ('the Act') and a remand order was issued against him. Subsequently, the inquiry officer made an inquiry into the applicant and satisfied that the applicant fell under the category registerable under para 2 of Part I of the First Schedule of the Act. The inquiry officer then came up with a finding and the applicant was satisfied with the findings and had no intention of filing for a review. Based on the findings, the registrar of criminals registered the applicant's name in the Register on 18 December 2015. On the same day, the Criminal Prevention Board ('LPJ') was convened and after considering the findings and reports of the inquiry officer under s 10 of the Act and satisfied that the applicant was a person registered under s 12(1) of the Act, the LPJ issued a police supervision order under s 15 of the Act against the applicant and ordered the applicant to be placed under police surveillance for a period of four years ('the order'). Dissatisfied with the order, the applicant filed for judicial review under O 53 of the Rules of Court 2012 ('encl 6'). The issue that arose was whether there was a non-compliance with s 12(1) of the Act since the applicant's name was registered in the register before the LPJ convened and confirmed the findings.

Held, allowing encl 6 with costs of RM3,000 to the applicant subject to the allocatur costs:

(1) Based on s 12(1) of the Act, there were two things to be fulfilled before the applicant's name could be registered by the registrar of criminals in the criminal register ie: (a) a complete report with reasonable grounds must be prepared by an inquiry officer/investigating officer; and (b) the applicant did not request for a review or LPJ has confirmed the findings provided by the inquiry officer under s 10(2) of the Act or the decision under para 10(3)(b) of the Act. Therefore, LPJ should be convened before the registration of the applicant's name where the inquiry officer's findings needed to be confirmed first. The court found that there was a substantial non-compliance with the s 12 of the Act by respondents which warranted intervention of the court (see paras 38–40 & 45).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 5937–5949.

Kes-kes yang dirujuk

Chow Mi Choi v Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah [2015] MLJU 696, MT (dirujuk)

Hanizam Hassan v Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223, MT (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914, MP (dirujuk)

Muhammad Jailani bin Kasim v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 6 MLJ 403; [2006] 4 CLJ 687, MP (dirujuk)

Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1991] 3 MLJ 28, MT (dirujuk)

Datuk James Wong Kim Min, Re; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v Datuk James Wong Kim Min [1976] 2 MLJ 245, MP (dirujuk)

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Ong Beng Chuan [2006] 6 MLJ 493; [2006] 4 CLJ 703, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Jenayah 1959 ss 3(1), 4, 4(1)(a), 6, 7, 10, 10(2), (3)(b), 11, 11(1), 12, 12(1), (1)(b), 15, Jadual 6

Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 s 3

Kanun Keseksaan

Naizatul Zamrina Karizaman (KL Chee & Co) bagi pihak pemohon.

Shahidah Nafisah bt Leman (Peguam Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Dalam Negeri) bagi pihak responden-responden.

Hanipah Farikullah H:

PENGENALAN

[1] Lampiran 6 ialah notis pendengaran bagi semakan kehakiman yang telah difailkan oleh pemohon pada 12 April 2016 menurut A 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, selepas memperolehi kebenaran bagi semakan kehakiman pada 11 April 2016.

[2] Pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman ini untuk menyemak atau mencabar perintah pengawasan bertarikh 18 Disember 2015 ('perintah tersebut') yang telah dikeluarkan terhadap pemohon selaras dengan s 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('APJ 1959') sebagai satu perintah yang tidak sah dan terbatal.

FAKTA LATAR BELAKANG KES

[3] Pemohon telah ditangkap di bawah s 3(1) APJ 1959 pada 15 October 2015 dan suatu perintah reman terhadap pemohon telah dikeluarkan oleh Majistret Puan Rumaizah bt Baharom di bawah s 4(1)(a) APJ 1959, selama 21 hari mulai 15 Oktober 2015 hingga 4 November 2015.

[4] Pada 4 November 2015, perintah reman yang kedua telah dikeluarkan terhadap pemohon oleh Majistret Puan Rumaizah bt Baharom selama 38 hari bermula dari 4 November 2015 sehingga 11 Disember 2015.

[5] Pada 5 November 2015, di D7, Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, pemohon telah dimaklumkan berkenaan tarikh inkuiri dan telah diterangkan hak pemohon untuk mendapatkan khidmat jurubahasa dan hak untuk diwakili peguam selaras dengan s 6 APJ 1959.

[6] Pada 26 November 2015 jam 11.30 pagi, pegawai inkuiri telah mengadakan inkuiri terhadap pemohon di Bilik Pegawai D7, Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya, Selangor. Pemohon telah hadir dan pemohon juga telah diberikan peluang untuk memberikan keterangan tanpa sebarang paksaan.

[7] Pegawai inkuiri kemudiannya telah mendapati dan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pemohon iaitu orang yang menjadi hal perkara siasatan adalah orang yang menganggotai kumpulan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud yang meliputi perlakuan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, dan oleh itu pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan, perenggan 2 Bahagian I, Jadual 6 APJ 1959.

[8] Pada 1 Disember 2015, pegawai inkuiri telah menyediakan satu dapatan seperti yang dikehendaki di bawah s 10(2) APJ 1959 ('dapatan tersebut').

[9] Sesalinan dapatan tersebut dan sesalinan Borang I di bawah s 11(1) APJ 1959 iaitu kajian semula berkaitan dengan dapatan pegawai inkuiri ('Borang I tersebut') telah dikemukakan kepada ASP Erman untuk disampaikan kepada pemohon.

[10] Pada 1 Disember 2015 jam 11.15 malam, ASP Erman telah menyampaikan dokumen-dokumen tersebut kepada pemohon.

[11] Segala isi kandungan dapatan tersebut dan Borang I tersebut serta hak untuk membuat kajian semula berkenaan dapatan tersebut telah diterangkan dan diterjemahkan oleh Detektif Sarjan Mejar Balakrishnan daripada Bahasa

A Malaysia ke dalam Bahasa Tamil kepada pemohon.

[12] Pemohon kemudiannya telah mengambil pendirian bahawa beliau berpuas hati dengan dapatan tersebut dan tidak bercadang untuk membuat kajian semula.

B

[13] Pada 2 Disember 2015, ASP Erman telah menyerahkan salinan dapatan tersebut dan Borang I tersebut yang telah ditandatangani oleh pemohon kepada pegawai inkuiri.

C

[14] Pada hari yang sama, pegawai inkuiri telah mengemukakan laporan lengkap bertulis yang mengandungi alasan-alasan beserta dapatan tersebut menurut s 10(2) APJ 1959 dan Borang I tersebut kepada Lembaga Pencegahan Jenayah ('LPJ').

D

[15] Pada 17 Disember 2015, LPJ telah memaklumkan kepada pendaftar penjenayah bahawa pegawai inkuiri mendapati dan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pemohon adalah termasuk dalam kategori yang boleh didaftarkan, perenggan 2 Bahagian I, Jadual Pertama APJ 1959.

E

[16] LPJ turut memaklumkan pendaftar penjenayah bahawa pemohon tidak memohon untuk membuat kajian semula di bawah s 11 APJ 1959.

F

[17] Sehubungan dengan itu, pendaftar penjenayah telah mendaftarkan nama pemohon di dalam Daftar pada 18 Disember 2015.

[18] Pada 18 Disember 2015 jam 11 pagi, LPJ telah bersidang dan setelah
G mempertimbangkan dapatan dan laporan pegawai inkuiri di bawah s 10 APJ 1959 serta berpuas hati bahawa pemohon adalah seorang yang telah didaftarkan di bawah s 12(1) APJ 1959, LPJ telah mengeluarkan satu perintah pengawasan polis di bawah s 15 APJ 1959 terhadap pemohon bertarikh 18 Disember 2015 yang memerintahkan pemohon ditempatkan di bawah
H pengawasan polis bagi tempoh empat tahun mulai dari 18 Disember 2015 hingga 17 Disember 2019.

[19] Melalui perintah tersebut, pemohon dikehendaki untuk tinggal di
I dalam kawasan Mukim Ulu Sungai Johor, Daerah Kota Tinggi, Negeri Johor.

[20] Tidak berpuas hati dengan perkara tersebut, pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman ini pada 17 Mac 2016 untuk mencabar perintah tersebut.

ISU

[21] Berdasarkan hujahan-hujahan peguamcara pemohon dan juga peguam kanan persekutuan, saya mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan dan dihujahkan dengan mendalam iaitu:

(a) terdapat ketidakpatuhan kepada s 12(1) Akta tersebut memandangkan nama pemohon telah didaftari di dalam Daftar sebelum LPJ bersidang dan mengesahkan dapatan tersebut;

(b) terdapat ketidakpatuhan kepada s 10 Akta tersebut memandangkan pemohon tidak dibekalkan dengan jurubahasa Tamil semasa sesi siasatan; dan

(c) terdapat ketidakpatuhan kepada ss 4 dan 7 Akta tersebut memandangkan perintah tersebut telah dikeluarkan dan diserahkan kepada pemohon pada hari tahanan ke-66.

[22] Selepas mempertimbangkan hujahan-hujahan tersebut, saya berpendapat bahawa hujahan yang mempunyai merit dan sepatutnya dijadikan hujahan utama untuk dibincangkan di dalam permohonan ini adalah isu berkaitan dengan ketidakpatuhan responden-responden kepada s 12 Akta tersebut.

KEPUTUSAN

Ketidakpatuhan responden-responden kepada s 12 Akta Pencegahan Jenayah 1959

[23] Seksyen 12 Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

12 Registration of persons believed to be members of any of the registrable categories

(1) The Registrar shall keep a Register for the purposes of this Act, in which shall be entered the name of every person —

(a) who is reported by an Inquiry Officer to be a person in respect of whom there are reasonable grounds for believing that he is a member of any of the registrable categories; and

(b) who has not requested any review under section 11, or in respect of whom the Board has confirmed the finding made under subsection 10(2) or made or confirmed the decision under paragraph 10(3)(b), together with such other particulars as may be prescribed.

(2) The Board may, if it considers it in the interest of public order or securityto do so, with or without inquiry under this Act direct the Registrar to enter in the Register the name, and such other particulars as maybe prescribed, of any person who is a member of any of the registrable categories prescribed in Part II of the First Schedule.

A **[24]** Peguamcara pemohon telah membawa perhatian mahkamah kepada fakta kes yang terdapat di dalam afidavit jawapan yang telah diikrarkan oleh Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid di mana peguamcara pemohon telah memberikan penekanan kepada fakta-fakta yang berikut:

B (a) bahawa LPJ telah memaklumkan pendaftar penjenayah bahawa pemohon tidak memohon untuk membuat kajian semula di bawah s 11 APJ 1959 pada 17 Disember 2015;

(b) nama pemohon telah didaftari di dalam Daftar pada 18 Disember 2015; dan

C (c) LPJ telah bersidang pada hari yang sama iaitu 18 Disember 2015 untuk mempertimbangkan dapatan tersebut dan laporan pegawai inkuiri.

[25] Peguamcara pemohon telah berhujah bahawa berdasarkan fakta-fakta D kes pemohon, terdapat satu ketidakpatuhan apabila nama pemohon didaftarkan di dalam Daftar pada 18 Disember 2015 oleh pendaftar penjenayah sebelum LPJ bersidang dan membuat keputusan bahawa LPJ adalah berpuas hati bahawa pemohon adalah seseorang berdaftar dan tahanan perlu dibuat ke atas pemohon selama empat tahun.

E **[26]** Peguamcara pemohon turut berhujah bahawa adalah menjadi prosedur mandatori untuk seseorang itu didaftarkan di dalam Daftar setelah dua cabang yang menjadi pra-syarat di bawah s 12 Akta tersebut dipenuhi iaitu:

F (a) yang dilaporkan oleh pegawai siasatan adalah seseorang yang berkenaan dengannya ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa dia adalah seorang anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan (pra-syarat pertama); dan

(b) seseorang yang tidak meminta kajian semula di bawah s 11, atau G berkenaan dengannya di mana lembaga telah mengesahkan dapatan yang dibuat di bawah s 10(2) atau dibuat atau mengesahkan keputusan yang dibuat di bawah perenggan 10(3)(b), bersama dengan butir-butir lain sebagaimana yang ditetapkan (pra-syarat kedua).

H **[27]** Peguamcara pemohon berhujah bahawa perkataan 'atau' yang terdapat di dalam s 12(1)(b) Akta tersebut membawa maksud 'dan'. Sehubungan dengan itu, sekiranya pemohon tidak meminta untuk kajian semula, ianya wajib untuk LPJ bersidang dan mengesahkan dapatan tersebut di bawah s 10(2) Akta tersebut sebelum memberikan arahan kepada pendaftar I penjenayah untuk mendaftarkan nama di dalam Daftar.

[28] Peguamcara pemohon telah membuat rujukan kepada kes undang-undang *Hanizam Hassan v Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2015] 5 CLJ 223 di mana mahkamah telah memutuskan seperti

berikut:

> [119] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan PKP yang terpelajar yang menyatakan peruntukan s 12(1)(a) dan (b) Akta itu perlu dibaca secara berasingan (disjunctive) dan bukannya bersama-sama. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar, pendaftaran nama pemohon dalam bahagian III hanya akan dilakukan selepas Lembaga mengesahkan dapatan pegawai siasatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 10(3)(b) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat tindakan pendaftar yang mendaftarkan nama pemohon pada 2 Jun 2014 sebelum ianya disahkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah pada 3 Jun 2014 ianya bercanggah dengan peruntukan yang berkaitan.

[29] Peguamcara pemohon turut merujuk kepada kes *Chow Mi Choi v Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah* [2015] MLJU 696 dan prinsip undang-undang tersebut yang telah diputuskan oleh mahkamah di dalam kes tersebut adalah seperti berikut:

> [22] The provisions of s 12 are applicable in the case of the applicant since he had not sought for a review pursuant to s 11, or in respect of whom the Board has confirmed the finding made under sub-s 10(2) or made or confirmed the decision made under para 10(3)(b). The use of the phrase and between subsection (a) and (b) indicates that the subsections are to be read conjunctively.

[30] Peguamcara pemohon telah menyimpulkan hujahan beliau dengan menegaskan bahawa apabila pendaftar penjenayah mendaftarkan nama pemohon di dalam Daftar sebelum LPJ bersidang, ternyata satu ketidakpatuhan prosedur mandatori telah dilakukan oleh responden-responden dan perkara tersebut telah menjejaskan keesahan perintah tersebut.

[31] Peguam kanan persekutuan dalam membalas hujahan peguamcara pemohon telah menegaskan bahawa hujahan peguamcara pemohon bahawa terdapat ketidakpatuhan terhadap s 12 Akta tersebut adalah satu isu yang tidak tepat memandangkan pendaftaran pemohon di dalam Daftar telah dibuat selaras dengan s 12(1) Akta tersebut.

[32] Peguam kanan persekutuan telah berhujah bahawa peruntukan di bawah s 12(1) Akta tersebut hanya akan dilakukan oleh pendaftar penjenayah apabila kedua-dua keadaan berlaku iaitu:

(a) apabila pegawai siasatan melaporkan bahawa terdapatnya alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa pemohon adalah seorang anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan; dan

(b) apabila pemohon tidak meminta kajian semula.

[33] Peguam kanan persekutuan turut berhujah kepada mahkamah bahawa sebelum LPJ mengeluarkan apa-apa perintah terhadap pemohon, nama pemohon hendaklah didaftarkan terlebih dahulu kerana di dalam kes yang melibatkan Akta Pencegahan Jenayah 1959, kuasa untuk mendaftarkan mana-mana individu adalah terletak kepada pendaftar dan perkara ini telah ditakrifkan di bawah s 3 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969.

[34] Peguam kanan persekutuan telah merujuk kepada s 15 Akta tersebut yang telah memperuntukkan seperti berikut:

15 Police supervision

(1) The Board may by order direct that any registered person named in the order shall be subject to the supervision of the police for any period not exceeding five years, and may renew any such order for a further period or periods not exceeding five years, if the Board is satisfied that it is necessary that control and supervision be exercised over the registered person but that it is not necessary to detain him at a time; and the registered person shall be conveyed under police escort to the State, district, mukim, town or village in which he is required to reside under subsection (2) (if any).

(2) Any person placed under the supervision of the police by order made under this section shall also be subject to all or any of the following restrictions and conditions, as the Board may by order direct:

(a) he shall be required to reside within the limits of any State, district, mukim, town or village specified in the order;

(b) he shall not be permitted to transfer his residence to any other State, district, mukim, town or village, as the case may be, without the written authority of the Chief Police Officer of any State concerned;

(c) except so far as may be otherwise provided by the order, he shall not leave the State, district, mukim, town or village within which he resides without the written authority of the Chief Police Officer of the State concerned;

(d) he shall at all times keep the Officer in Charge of the Police District in which he resides notified of the house or place in which he resides;

(e) he shall be liable, at such time or times as may be specified in the order, to present himself at the nearest police station;

(f) he shall remain within doors, or within such area as may be defined in the order, between such hours as may be specified in the order, unless he obtains special permission to the contrary from the Officer in Charge of the Police District;

(g) except so far as may be otherwise provided by the order, he shall not

be permitted to enter any State, district, mukim, town or village specified in the order;

(h) he shall use only equipment and facilities of communication which are declared to and approved by the Chief Police Officer of any State concerned;

(i) except so far as may be otherwise provided by the order, he shall not access the internet;

(j) he shall keep the peace and be of good behaviour;

(k) he shall enter into a bond, with or without sureties as the Board may direct and in such amount as may be specified in the order, for his due compliance with the restrictions and conditions imposed on him by the order;

(l) he shall be attached with an electronic monitoring device.

(3) The Board may, by order in writing served on the registered person, vary, cancel or add to any restrictions and conditions imposed under this section.

(4) A registered person who contravenes or fails to comply with any order or restriction or condition imposed on him under this section shall be guilty of an offence and shall be liable to imprisonment for a term not exceeding ten years and not less than two years.

(5) Any person who conspires with, abets or assists any registered person to breach any restriction or condition under this section shall be guilty of an offence and shall be liable to imprisonment for a term not exceeding ten years and not less than two years.

(6) Sections 173A and 294 of the Criminal Procedure Code shall not apply in respect of offences under subsections (4) and (5).

(7) The punishment imposed under subsection (4) and any term of imprisonment imposed under any written law shall not be taken into consideration for the purpose of the period of supervision imposed under subsection (1) and the period of supervision shall be continued from the date of completion of the sentence of imprisonment imposed.

[35] Merujuk kepada s 15 Akta tersebut, peguam kanan persekutuan telah berhujah bahawa s 15 Akta tersebut hendaklah dibaca bersama dengan s 12(1) Akta tersebut.

[36] Peguam kanan persekutuan kemudiannya telah menegaskan bahawa semua keperluan prosedur di bawah Akta tersebut telah disempurnakan oleh pihak responden-responden dan tiada keperluan untuk LPJ terlebih dahulu bersidang atau mengesahkan dapatan tersebut sebelum mengeluarkan perintah tersebut terhadap pemohon. Sehubungan dengan itu, peguam kanan persekutuan juga telah menegaskan bahawa tidak wujud ketidakpatuhan

prosedur di pihak responden-responden dan isu yang telah dibangkitkan oleh peguamcara pemohon ini adalah tidak bermerit.

[37] Selepas mendengar hujahan-hujahan yang telah diketengahkan oleh kedua-dua pihak, saya berpendapat bahawa hujahan peguamcara pemohon adalah lebih relevan dan bermerit. Saya juga berpendapat bahawa terdapat ketidakpatuhan prosedur yang telah dilakukan oleh responden-responden dalam mengeluarkan perintah tersebut terhadap pemohon.

[38] Berdasarkan s 12(1) Akta tersebut, dengan jelasnya boleh difahami bahawa terdapat dua perkara yang perlu dilakukan/dipenuhi sebelum nama pemohon boleh didaftarkan oleh pendaftar penjenayah di dalam Daftar jenayah iaitu (1) satu laporan lengkap dengan alasan-alasan yang munasabah perlu disediakan oleh pegawai inkuiri/pegawai siasatan; dan (2) pemohon tidak meminta untuk satu kajian semula dilakukan atau LPJ telah pun mengesahkan dapatan yang telah disediakan oleh pegawai inkuiri di bawah s 10(2) Akta tersebut atau keputusan di bawah perenggan 10(3)(b) Akta tersebut.

[39] Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa LPJ sepatutnya bersidang sebelum pendaftaran nama pemohon dilakukan di mana dapatan pegawai inkuiri perlu disahkan terlebih dahulu.

[40] Maka, saya bersetuju dengan hujahan peguamcara pemohon bahawa terdapat satu ketidakpatuhan prosedur yang telah dilakukan oleh responden-responden, di mana secara spesifiknya satu ketidakpatuhan kepada s 12(1) Akta tersebut telah dilakukan oleh responden-responden di dalam kes ini.

[41] Merujuk kepada kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister of Home Affairs, Malaysia & Ors v Datuk James Wong Kim Min* [1976] 2 MLJ 245, Mahkamah Persekutuan Kuching telah memutuskan bahawa:

> Preventive detention is the detention of a person without trial as opposed to punitive detention where a person is detained after atrial in a court of law in which he is proved to have committed an offence punishable under certain provisions of the penal law.
>
> Preventive detention is, therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard that isprovided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving aperson of his liberty.

[42] Di dalam kes *Muhammad Jailani bin Kasim v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403; [2006] 4 CLJ 687, Mahkamah

Persekutuan telah membuat rujukan kepada kes *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28 dan *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v Ong Beng Chuan* [2006] 6 MLJ 493; [2006] 4 CLJ 703 dan memutuskan bahawa:

> where mandatory pre-conditions are not strictly complied in making the detention order, the detention order is not valid.

[43] Rujukan juga dibuat kepada kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2005] 2 MLJ 631; [2005] 3 CLJ 914 di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> ... to determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof.

[44] Mahkamah ini tidak akan campur tangan dengan keputusan yang telah dibuat oleh responden-responden sekiranya tiada sebab atau alasan yang kukuh yang diberikan oleh peguamcara pemohon kepada mahkamah. Seperti yang telah dinyatakan di dalam kes *Lee Kew Sang*, tugas mahkamah ini adalah untuk mengaplikasikan undang-undang yang telah sedia ada dan bukan untuk mencipta undang-undang baru.

[45] Berikutan dengan itu, saya berpuas hati bahawa terdapat satu ketidakpatuhan yang ketara terhadap Akta tersebut oleh responden-responden yang membolehkan campur tangan mahkamah ini.

KESIMPULAN

[46] Berdasarkan alasan-alasan di atas, lampiran 6 dibenarkan dengan kos berjumlah RM3,000 kepada pemohon, tertakluk kepada kos alokatur.

Lampiran 6 dibenarkan dengan kos sebanyak RM3,000 kepada pemohon tertakluk kepada kos alokatur.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar